

## Kerana Rosaknya Politik dan Ekonomilah: Menyebabkan Bangsa Melayu Karam di atas Daratan

Seluruh umat bangsa kita Melayu hari ini telah sama-sama maklum dan menyedari, terutamanya para pemimpin, cerdik pandai dan orang-orang yang disebut intelektual itu, bahawa bangsa kita dan negara kita ini ialah bekas dijajah oleh imperialisme dari Barat yang terkenal tajam politik pintarnya itu. Negara kita Tanah Melayu ini, meskipun telah merdeka sekarang, tetapi masih lagi berupa "sisa" penjajahan, demikianlah pula halnya dengan masyarakat kita umat Melayu sendiri, juga masih ada ternampak akan "sisa-sisa"nya imperialisme itu. Negara kita belum lagi dapat memberikan kesenangan, apalagi kesejahteraan, kepada seluruh putera-puterinya sendiri, dan masyarakat kita yang telah dipecah-pecah kemudian diperas serta diperintah oleh mereka (penjajah) itu belum dapat disatupadukan dalam ertikata yang sebenarnya dengan konkret dan utuh. Kiranya benar-benar kita umat bangsa Melayu di tanah air ini, menurut cita-cita dan hasrat bermulanya, iaitu ingin kesenangan, kemewahan, kemakmuran dan kesejahteraan dalam hidup berdaulat dan agung sebagai satu negara dan bangsa di dunia ini, maka amat perlulah disusun kembali di mana yang pecah berserak, dikumpul semula yang mana telah terhabur-baur, disambung dan ditampung balik mana-mana yang terputus dan robek koyak itu dan 1001 macam lagi supaya benar-benar kita orang-orang Melayu juga suatu umat yang pintar dan bijaksana, dan tidaklah kita akan menjadi barang yang berupa "sisa" sepanjang masa.

(oleh: Alimin)

### Karam di atas Daratan:

Lazimnya, sebuah biduk atau bahtera itu karam di dalam lautan, tetapi biduk masyarakat bangsa kita Melayu hari ini, tidaklah menjadi berlebih-lebihan, jika dikatakan: "Karam di atas daratan" layaknya. Betapa tidaknya, Melayu ialah berasaskan suatu bangsa yang agung ke seluruh dunia terkenal mempunyai negara yang kaya-ray, hidup dalam senang dan sejahtera, suatu bangsa yang gagah perkasa, dan merdeka serta mulia di antara umat-umat

bangsa lainnya di dunia ini dalam zaman-berzaman, tetapi kini, ah!.... Semoga Tuhan jualah yang akan menolong, umat Melayu telah banyak benar-benar yang kurus pucat terutama yang tersingkir di kampung-kampung, hidupnya miskin, rumahtangganya tidak semengah lagi, makan pakainya, kesihatan dan kemudahannya tidak terjamin sama sekali, yang demikian ini ialah akibat dari rosaknya politik dan ekonomi bangsa kita sendiri yang telah dirosakkan oleh penjajahan berserta alat-alatnya itu. Hal ini kiranya

tidak benar-benar kita insafi dan kita perbetulkan dari sekarang juga, maka tidaklah menjadi mustahil lagi sebagai kata bidalan: “Ayam dikepuk padi mati kelaparan – itik di air mati kehausan”. Orang-orang di seluruh dunia akan tersenyum melihat “barang pelik” ini berada di tengah-tengah zaman sputnik<sup>1</sup> ini, apakah kita ingin jadi barang pelik?

#### **Politik dan Ekonomi Bertali-temali:**

Melihat kepada kemajuan-kemajuannya umat bangsa kita Melayu sekarang memanglah sangat menggembirakan hati, tetapi hanya 99 peratus terhadap politik, sosial dan kesenian sahaja, amat sedikit dalam soal ekonomi.

Yang paling rancak ialah dalam lapangan permainan, beribu-ribu buah badan parti muzik di seluruh tanah air kita ini, dan beratus buah pula badan persatuan serta kesatuan sosial dan bermacam-macam lagi, tumbuh mercup laksana bintang pada waktu malam, tetapi badan-badan yang menganjurkan perekonomian bangsa kita Melayu

jarang benar terdengar ada dirancang-rancang atau ditubuhkan, tidakkah ada baiknya kepada masyarakat bangsa kita sekarang di samping ribut dengan soal-soal politik, bahasa, kebudayaan, kesenian, sosial dan bermacam-macam lagi itu, kita ributkan pula dalam soal merancang dan mendirikan badan-badan perekonomian bangsa kita? .... Kenapakah kita hanya ada banyak jaguh-jaguh politik, bahasa, seni dan sosial sahaja, tetapi jaguh-jaguh ekonomi bangsa kita yang telah bak “karam di daratan” itu tidak ada.

Politik dan ekonomi pada sesuatu bangsa dan negara itu adalah bertali-temali kukuh laksana badan dengan nyawa. Badan tidak hidup sihat dan segar kalau ia tidak bernyawa, sedang nyawa mestilah bertempat pada sebuah badan pula, demikian juga politik dan

ekonomi tadi pada satu-satu bangsa. Jadinya apakah akibatnya nanti kepada masyarakat kita bangsa Melayu yang ekonomi kita masih rosak dan pincang itu?... Dan apakah nilai kemerdekaan kita itu, berisi atau komeng?! .... Umat Melayu sendirilah yang akan memberikan jawapannya dengan sebenarnya!

#### **Bentuklah “Tenaga Melayu Muda”:**

Menurut pendapat saya, setelah 600 tahun kita bangsa Melayu dibenamkan jauh ke bawah oleh penjajahan dahulu itu, dilapah, diperas, ditindas dan dihancur leburkan dalam segenap seginya, terutamanya dalam soal ekonomi, dan sekarang kita telah dapat merdeka kembali maka amat perlulah kita sekarang dengan bersungguh-sungguh hati kita supaya membentuk beberapa buah pertubuhan tenaga Melayu muda guna membangun balik akan ekonomi bangsa kita yang telah dimusnah dan dihancurkan

#### BUKU2 RUMI

*Pendidikan	...	...	...	\$1.20
*Akhhlak	...	...	...	1.20
*Surat Menyurat	...	...	...	1.50
*Jalan ka-Kota Baharu ...	...	...	...	1.50
Penglipor	...	...	...	1.50
Panduan Pekedai2 Kechil				0.70
Balek Dari Medan Perjuangan				1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang				2.00
Keris Sempena Riau	...	...	...	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	...	...	...	1.50
Sisa Neraka Dunia	...	...	...	1.00

Buku A.BC. (buku bachaan) di-dalamnya tiga warna (sedang di-chitak).

\*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.

<sup>1</sup> Zaman kemajuan angkasa lepas. Sumber: <http://peribahasamelayu.com/zaman-sputnik/>

orang itu. Misalnya mengadakan syarikat *company limited* yang mengusahakan perkebunan, pertanian, ternakan ayam, kambing lembu dan lain-lainnya, nelayan, penerbitan surat khabar, majalah dan buku dengan secara moden. Tempat-tempat berusaha kita masih luas, pasarannya juga masih ada, hanya tenaga muda (jiwa baharu yang radikal) ke arah itu sahaja nampaknya yang kita belum salurkan sekarang.

Ya!..... Memang benar, ada juga orang-orang Melayu kita yang berpendapatan hingga \$10,000 sebulan, tetapi beberapa orang sahaja bilangannya, sedang berjuta-juta banyaknya umat Melayu yang diam di kampung-kampung jauh terpencil seperti mereka di Pantai Timur itu dan dalam banyak tempat lagi ada yang pendapatan mereka hanya \$1.00 sehari, sedang yang jadi pengemis, jadi pelayan, jadi pelacur, jadi pencopet tidak sedikit bilangannya. Ini ialah akibat ekonomi Melayu sangat kucar-kacir keadaannya, keimanan dan keamanan tidak dapat ditegakkan mereka kerana perut mereka sentiasa lapar. Segala apa yang merekakehendaki tak dapat dihasilkan, ke mana juga mereka mengadu. Tidak ada siapa yang ambil peduli dengan nasib mereka. Sebagai buktinya, marilah kita selidiki bersama-sama iaitu berapa banyak gedung-gedung orang Melayu, berapa buah lombong bijih timah dan besi kepunyaan syarikat-syarikat orang Melayu, berapa ratus buah syarikat-syarikat kebun getah, kelapa, kopi, teh sagu, pinang, kelapa sawit, buah-buahan, sawah padi kepunyaan orang Melayu, dan berapa banyak pula syarikat-syarikat ternakan ayam, kambing, lembu, kerbau yang dimiliki oleh bangsa Melayu, demikian juga dalam banyak macam perusahaan-perusahaan lain lagi, jawabnya ialah “.....” sahaja.

Menungkanlah! Allah *subḥānahu wa ta ‘ālā* telah cukup mengadakan segala apa juanya yang kita perlukan di bumi, tetapi dengan sebab kita telah dibenamkan di dalam penjara imperialisme

yang sekian lamanya itulah yang benar-benar mengecewakan nasib hidup kita dan mungkin sampai kepada anak cucu kita.

Sekarang masanya telah tiba, kebijaksanaan kita umat Melayu sekali lagi teruji, diwajibkan oleh jauhari yang memberikan nilainya nanti intan atau kaca. Oleh yang demikian rasanya tidak ada lagi jalan lain, hanyasanya bersatulah kita dengan teguh dan dalam satu himpunan raksasa besar membentuk dan menjayakan suatu tenaga Melayu muda yang radikal guna berusaha mengembalikan perekonomian kita yang telah hancur lebur dahulu itu secara moden dan mengikut zamannya, supaya tiap-tiap segi kemelaratan, kemiskinan, kepapaan dan kelaparan yang ditanggung oleh berjuta-juta umat Melayu kita di tanah air<sup>2</sup> yang kaya dan makmur ini dapat disingkirkan.

#### Buku-buku Pengetahuan:

1. Risalah Allah	40
2. Permulaan Agama	70
3. Al-Tawḥīd	80
4. Qadak dan Qadar	25
5. Taksub	30
6. Taklid	60
7. Perempuan Islam	30
8. Islam dan Hawa Nafsu	20
9. Berjihad pada Jalan Allah	70
10. Sopan Santun Bahagian 1	30
11.       “       “       “       2	30
12.       “       “       “       3	30
13.       “       “       “       4	30

<sup>2</sup> Teks asal ‘tanah ain’